

D962

U B932 BAH

UMNO - RAJA

KUALA LUMPUR, 27 SEPT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KEGIATAN MENGGUNAKAN RAJA-RAJA OLEH SEGOLONGAN PARA PENIAGA UNTUK KEPENTINGAN PERNIAGAAN MEREKA ADALAH PADA TAHAP YANG BERAT.

KATANYA OLEH KERANA BERATNYA KEADAAN ITU, BELIAU TIADA JALAN LAIN MELAINKAN MENDEDAHKAN PERKARA ITU SECARA TERBUKA UNTUK MENGELAKKAN TIMBULNYA SALAH FAHAM DI KALANGAN RAKYAT.

BELIAU MEMBERITAHU PARA PEMBERITA DEMIKIAN SEMASA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO DI KOMPLEKS UMNO DI SINI BERHENTI REHAT.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN MEMPUYAI SENARAI MEREKA YANG TERBABIT DENGAN KEGIATAN ITU DAN MENEGASKAN BAHAWA KERAJAAN TIDAK TERAGAK-AGAK MENYENARAI-HITAMKAN MEREKA DAN SEGALA URUSAN PERNIAGAAN MEREKA DENGAN KERAJAAN TIDAK AKAN DILAYANI.

KERAJAAN SELAMA INI BERADA DALAM KEADAAN SERBA SALAH KERANA TINDAKAN YANG AKAN DIAMBIL MEMBABITKAN SEMUA PIHAK. -- LAGI
1808MST 27 09 85

UMNO - RAJA 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN SEBOLEH-BOLEHNYA TIDAK MAHU MEMBIARKAN RAKYAT SALAH FAHAM DAN MEMPERSOALKAN SISTEM RAJA BERPERLEMBAGAAN YANG DIAMALKAN SEKARANG.

BELIAU PERCAYA RAJA-RAJA DAN KERABAT PASTI MEMAHAMI TUJUAN KERAJAAN MENDEDAHKAN PERKARA ITU KERANA KERAJAAN TIDAK MAHU SITEM YANG ADA DICEMARI DAN MENDAPAT TEGURAN RAKYAT.

KEGIATAN ITU TELAH LAMA BERLAKU DAN KEBANYAKANNYA MEMBABITKAN PERNIAGAAN YANG BESAR-BESAR, JELAS BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENEGASKAN PENDEDAHAN MENGENAI PERKARA ITU TIDAK ADA KAITANNYA DENGAN POLITIK.

BELIAU JUGA MENJELASKAN DALAM KEADAAN INI KERAJAAN TIDAK BERMAKSUD HENDAK MEMBABITKAN RAJA-RAJA TETAPI MEMPERSOALKAN TINDAK-TANDUK PARA PENIAGA BERKENAAN.

+KITA MASIH SAYANG AKAN SISTEM RAJA BERPERLEMBAGAAN OLEH KERANA ITULAH KEGIATAN SEPERTI INI TIDAK DAPAT KITA TERIMA,+ KATANYA. --
BERNAMA

1816MST 27 09 85